

**NO SOALAN :40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN  
(RANAU)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [ RANAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pihak Kerajaan bersedia untuk menurunkan kadar cukai barangan dan perkhidmatan - GST ke kadar 4 peratus dan sebagai ganti punca pendapatan, Bantuan Rakyat 1Malaysia - BR1M dihentikan, sebagaimana yang dicadangkan oleh orang kebanyakan dalam input Bajet 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

- 1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk mengubah kadar GST 6%. Ini kerana kadar tersebut ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk

memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini di mana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
- iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan
- iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

2) Berhubung dengan persoalan mengenai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), pada masa ini, Kerajaan akan meneruskan pemberian BR1M memandangkan program ini telah dapat membantu secara langsung untuk meringankan beban perbelanjaan harian rakyat yang berpendapatan rendah. Bantuan ini yang dibelanjakan oleh penerimanya akan dapat menjana ekonomi Negara. Kementerian Kewangan juga sentiasa meneliti dan akan membuat penambahbaikan ke atas program BR1M supaya sebarang kelemahan berkaitan pelaksanaannya akan dapat diatasi.